SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BMS 2026 SEMARAKKAN BUDAYA MENABUNG UNTUK PENDIDIKAN SEMPENA HARI TABUNGAN SEDUNIA

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2026 merupakan program *signature* Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang bertujuan memperkukuh budaya menabung dalam kalangan masyarakat, khususnya bagi merancang masa depan pendidikan tinggi anak-anak. Memasuki tahun kesembilan penganjurannya sejak 2018, program yang berlangsung dari 29 September hingga 1 November 2026 ini terus menjadi platform penting PTPTN dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan perancangan kewangan pendidikan sejak awal serta memperkenalkan pelbagai manfaat Simpan SSPN.

2. PTPTN telah mengadakan Majlis Penutup BMS 2026 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia pada 31 Oktober 2026, bertempat di Alamanda Shopping Centre, Putrajaya yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir YBrs. Encik Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN dan Pengurusan PTPTN.

3. BMS 2026 yang dianjurkan bersempena Hari Tabungan Sedunia (*World Savings Day*) yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. Bertemakan **"AI advises, Human decides"**, sambutan tahun ini menekankan peranan teknologi kecerdasan buatan dalam membantu perancangan kewangan, namun keputusan untuk menabung tetap bergantung pada kesedaran, disiplin dan komitmen individu. Marilah kita memanfaatkan teknologi secara bijak serta membudayakan amalan menabung demi menjamin masa depan pendidikan anak-anak.

4. Penganjuran BMS 2026 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan pelbagai reaksi positif daripada orang ramai yang hadir sepanjang program ini berlangsung. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak antaranya Pertandingan Mewarna, Pertandingan Koir Simpan SSPN, Pertandingan Simpan SSPN Got Talent, Pertandingan Pakaian Beragam, *Memory Challenge*, *Happy Hour*, Teroka & Teka dan banyak lagi. Orang ramai yang berkunjung ke kaunter PTPTN turut berpeluang untuk mendapatkan tabung edisi khas BMS dan cenderahati eksklusif yang menarik melalui penabungan dalam Simpan SSPN.

5. YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, "Sehingga 30 September 2026, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM26.07 bilion melibatkan 7.74 juta akaun. Prestasi ini membuktikan Simpan SSPN kekal kukuh dan relevan sebagai salah satu simpanan pendidikan terbaik di Malaysia."

6. “Sepanjang BMS 2026 yang bermula 25 September hingga 29 Oktober 2026, kutipan deposit Simpan SSPN yang diterima berjumlah RM267.7 juta, iaitu pencapaian 107.10% berbanding sasaran kutipan sebanyak RM250 juta. PTPTN optimis jumlah kutipan deposit sempena BMS 2026 akan terus meningkat dan mencatatkan prestasi yang lebih membanggakan. Di sebalik pencapaian tersebut, semakin ramai ibu bapa telah mengambil langkah awal untuk menyediakan simpanan pendidikan anak-anak. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga PTPTN atas usaha ini,” tambah beliau lagi.

7. Ketika Majlis Penutup BMS 2026 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia, turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada rakan strategik BMS 2026 dan penyampaian hadiah pemenang Pertandingan Koir Simpan SSPN. Pertandingan koir yang julung kali dianjurkan oleh PTPTN ini menyuntik kelainan dan memberikan nafas baharu kepada penganjuran BMS 2026.

8. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 secara percuma bagi satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, patuh syariah dan simpanan yang dijamin kerajaan. Pelbagai kempen dan promosi turut dipergiat bagi menyemarakkan lagi amalan penabungan antaranya dengan mengadakan Kempen Cabutan Simpan SSPN 2026 yang menawarkan hadiah bernilai hampir RM1.9 juta yang menanti 1,060 orang pemenang.

9. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kekal komited untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan menabung secara konsisten melalui Simpan SSPN sebagai persediaan pendidikan tinggi anak-anak, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan pada masa hadapan. Dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, PTPTN akan terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara demi menjamin masa depan pendidikan generasi akan datang.

10. Untuk maklumat lanjut mengenai Simpan SSPN, orang ramai boleh melayari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my atau menggunakan aplikasi myPTPTN bagi menikmati perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
31 Oktober 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)